

Tindakan bersepadu atasi pencemaran air

BH 7/6/06 (Rabu) Surat & Email

SEPANJANG Sidang Dewan Rakyat Penggal Ketiga, Parlimen Ke-11 baru-baru ini ada beberapa rang undang-undang diluluskan. Antara yang menarik perhatian umum ialah Rang Undang-Undang Industri Perkhidmatan Air 2006 dan Suruhanjaya Perkhidmatan Air Negara (SPAN).

Sekali imbas, kedua-dua rang undang-undang ini memang baik bagi menambah baik serta demi kepentingan pengguna. Dengan matlamat penambahbaikan perkhidmatan bekalan air serta kualiti dan mengawal perbekalan air. Manfaat yang banyak ini amat dialu-alukan pengguna.

Jumaat lalu, pada sidang Dewan Negara Timbalan Menteri Tenaga, Air dan Komunikasi, Datuk Shaziman Abu Mansor, menyatakan satu lagi akta iaitu Akta Kualiti Air Minum perlu diwujudkan. Akta itu antara lain bagi mengawal kualiti air minum yang dibekalkan kepada pengguna.

Secara dasarnya kewujudan apa saja akta untuk kebaikan rakyat. Kewujudan Akta Kualiti Air Minum juga mempunyai niat baik, tetapi selaku pengguna, timbul beberapa kekeliruan terhadap usaha untuk saling melengkapi antara Rang Undang-Undang Industri Perkhidmatan Air 2006, SPAN dan Akta Kualiti Air Minum yang akan dibentuk.

Menurut laporan media, Akta Kualiti Air Minum akan sedaya upaya cuba memastikan syarikat pembekal air atau yang memegang konsesi perkhidmatan air di negeri membekal air yang berkualiti dan menepati piawaian Kementerian Kesihatan.

Ketika ini, kualiti air minum dikawal Akta Kualiti Air yang menggunakan pakai piawaian Pertubuhan Kesihatan Sedunia (WHO).

Dalam kenyataannya, Shaziman berkata, akta yang bakal digubal nanti akan mengenakan tindakan terhadap syarikat yang tidak mematuhi dan yakin kejadian air busuk yang melanda Lembah Klang beberapa bulan lalu tidak berulang.

Ada semacam kepincangan dan pertindihan bidang kuasa jika ia di-

laksanakan kelak. Apakah SPAN tidak memuatkan peruntukan terhadap kualiti air minum dan perkhidmatan, atau Rang Undang-Undang Industri Perkhidmatan Air 2006 terlepas pandang perkara ini?

Proses bekalan air di negara ini terbahagi kepada beberapa peringkat. Pertama, sumber air utama dari jajaran sungai sehingga ke muka sauk.

Peringkat kedua, dari muka sauk masuk ke loji pembersihan dan diproses untuk memastikan ia bersih dan selamat digunakan. Peringkat ketiga pula, selepas dirawat, baru disalurkan ke tangki penyimpanan serta ke rumah.

Dalam kes air busuk 28 Februari lalu, ia berpunca pencemaran sumber air mentah yang sepatutnya dipantau Jabatan Alam Sekitar (JAS). Satu lagi kejadian pencemaran amonia di Sungai Semenyih, awal April lalu, juga berpunca daripada tapak pelupusan sampah milik kerajaan tempatan.

Kualiti air yang di bekalkan oleh penyedia perkhidmatan swasta atau kerajaan, semuanya bergantung kepada punca dan sumber air. Tanggungjawab ini terletak sepenuhnya di bahu JAS serta agensi kerajaan berkaitan dan kerajaan negeri.

Dengan akta dan pelbagai undang-undang sedia ada ini pun kita belum mampu memastikan sumber air bebas pencemaran, apatah lagi dengan akta baru yang nampak lebih merumitkan keadaan serta melambatkan proses. Pihak berkuasa tempatan (PBT) sendiri tidak mampu mengawal kegiatan pelupusan sampah sehingga mencemarkan sungai.

Justeru, perbincangan di antara semua yang terbabit dalam industri air di negara ini perlu diadakan bagi mencari jalan penyelesaian serta pendekatan yang paling mujarab.

Jika saling menuding jari dan memperkenalkan pelbagai undang-undang, tetapi tidak dipatuhi, ia juga tidak bermakna.

MOHAMAD ASRI SHAFII,

Setiausaha 1 Persatuan

Pengguna-Pengguna Prihatin

Selangor dan Wilayah Persekutuan.